

# PENERAPAN PANTUN KENANGAN PERPISAHAN DALAM PENILAIAN LISAN SEBAGAI KESAN PEMBELAJARAN TERADUN

*(Applying Dedicatory Pantun of Separation in Oral Assessment as Blended Learning Outcome)*

Jyh Wee Sew  
homemine2@gmail.com

Centre for Language Studies, Faculty of Art and Social Science,  
National University of Singapore, 9 Arts Link, AS4 02-05, Singapore.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). Jyh Wee Sew. (2023). Penerapan pantun kenangan perpisahan dalam penilaian lisan sebagai kesan pembelajaran teradun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 287–314. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	10/8/2022	Semakan: <i>Revised</i>	22/8/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	23/12/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	5/7/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--	----------

## Abstrak

Perbincangan tentang pengajaran pantun Melayu dengan menggunakan pedagogi inovatif ini menuju ke arah pendidikan bahasa Melayu yang progresif. Demi kelestarian pantun Melayu, satu siri pengkaedahan diusulkan sebagai teknik yang dapat memberi kefahaman asas kepada pelajar bahasa asing tentang pantun empat baris sehingga memperlihatkan kesannya, iaitu kemahiran berfikir aras tinggi. Pendekatan pedagogi yang dimaksudkan membolehkan dua orang pelajar bukan penutur asli dalam pengkhususan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Nasional Singapura (NUS) menghasilkan serangkap pantun empat baris secara sukarela sebagai sebahagian daripada rakaman lisan pembelajaran dalam talian melalui Zoom. Maklum balas pelajar ini dianggap sebagai kesan pembelajaran teradun yang mewajarkan pemerhatian teliti dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Secara deduktif, perhatian ditumpukan pada seperangkat pedagogi dalam kuliah kemahiran mencipta pantun. Terdapat tiga set pengajaran yang disediakan dalam kuliah pelengkap. Pertama, pengajaran nama monyet yang berlainan kepada pelajar untuk memperkembang kosa kata fauna dalam binaan pembayang maksud pantun dan mempertingkatkan penguasaan kata nama khas Melayu. Kedua, pengajaran onomatopoeia bahasa Melayu sebagai elemen yang bersesuaian dalam penciptaan pantun memupuk kesedaran pelajar tentang naluri bahasa Melayu. Ketiga, penggunaan klip video tentang pergaulan sosial yang

memperlihatkan aksi berbalas pantun secara bersilih ganti meluaskan pandangan pelajar terhadap amalan berpantun yang masih dihargai dan dituturkan oleh penutur bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Rangkaian pedagogi bahasa yang digalurkan mampu memupuk kemahiran mereka untuk mencipta pantun dan disyorkan sebagai satu kaedah pengajaran teradun yang berkesan.

Kata kunci: Kesan pembelajaran teradun, pantun Melayu, pedagogi bahasa Melayu, tinjauan deduktif, persembahan lisan, keratabahasa sebagai pengkaedahan

### ***Abstract***

*The discussion on teaching Malay pantun by means of innovative pedagogy follows the lead towards progressive Malay language education. In sustaining the Malay pantun, a series of methodologies are proposed as techniques that can provide a basic understanding of the four-line pantun to foreign language students, thus achieving an outcome that is indicative of high-level thinking skills. The pedagogical approach in question enabled two non-native students of Malay as a Foreign Language at the National University of Singapore (NUS) to voluntarily produce a four-line pantun as part of an oral recording in online learning via Zoom. The students' responses are considered as a blended learning outcome that merits a close study of teaching Malay as a foreign language. Deductively, we focus on a combination of pedagogy in a lecture on their skill to create pantun. There are three sets of teaching appropriated in the complementary lecture. Firstly, the teaching of various monkey names to the students in order to develop their fauna terms in the construction of foreshadow in pantun and to improve their command of Malay proper nouns. Secondly, the teaching of Malay onomatopoeia as an appropriate element in pantun coinage so as to evoke their awareness of the Malayness language instinct. Thirdly, using a video clip of social interaction that displays the alternating acts of pantun exchange in order to broaden their vision to the practice of reciprocal pantun chanting, which remains well appreciated by the Malay speakers. The network of language pedagogy highlighted in inculcating their skills of pantun coinage is recommended as an effective blended teaching method.*

*Keywords: Blended learning outcome, Malay pantun, Malay language pedagogy, deductive observation, oral performance, onomatopoeia as methodology*

## **PENGENALAN**

Pantun di kepulauan Melayu merupakan satu daripada tradisi lisan yang paling tua di dunia (Muhammad, 2018). Pantun Melayu wujud dalam dua, empat, enam, lapan, sepuluh, dua belas baris, dan empat belas baris (Amat Juhari, 2008). Yang berikut

merupakan contoh pantun empat baris yang berguna untuk memupuk nilai keyakinan diri (Hamilton, 1982: 24–25):

Anak beruk di kayu rendang,  
Turun mandi di dalam paya;  
Hodoh buruk di mata orang,  
Cantik manis di mata saya.

Pantun sebagai warisan persuratan tradisi lisan Melayu amat bermanfaat sebagai sumber pendidikan bahasa asing kerana genre sastera ini membantu pelajar memahami cara hidup, ciri jati diri dan gaya ekspresif masyarakat Melayu. Sebagai contoh, pembayang pantun berfungsi sebagai rekod kehidupan orang Melayu yang penting dalam huraian gastronomi Melayu (Khalila Ilia & Mohd Faizal, 2016). Pantun turut menjadi wadah yang menyiratkan gaya penaakulan berkelompok, khususnya struktur analogi masyarakat Melayu (Tee, 2021). Dalam kehidupan harian orang Melayu, pantun merupakan institusi sosial yang relevan dalam majlis pertunangan, dan perkahwinan (Karafi, 2010; Noriati, 2005). Kajian pantun perkahwinan yang dijalankan oleh Fatimah (2009) mendedahkan bahawa selain norma Melayu seperti kedudukan suami dan isteri, pemilihan jodoh, serta peranan anak dan orang tua, hal negatif dalam perkahwinan seperti penceraian, pengabaian ibu bapa terhadap anak, dan perkara kurang sopan turut terakam dalam pantun Melayu. Selain itu, berdasarkan beberapa rangkap pantun Melayu, Salleh Ben Joned (1994:157–156) telah mengemukakan pandangan tentang perasaan berahi sebagai naluri manusia yang penting.

Pantun juga merupakan amalan sebahagian daripada tatacara majlis rasmi yang penting (Xu, 2015:1–2):

Pantun Melayu sudah lama menjadi balada dan nyanyian popular yang sudah didendangkan orang ramai daripada semua lapisan masyarakat Melayu. Selain sebagai wahana hiburan dan pergaulan, ia juga adalah acara yang perlu ada dalam majlis keagamaan dan pertemuan, bahkan dalam majlis penobatan dan naik takhta raja, sehinggakan tidaklah hairan sekiranya sarjana Inggeris Wilkinson dan Winstedt menyatakan: “Hanya setelah mengerti pantun, barulah difahami buah fikiran dan isi hati orang Melayu.”

Dua rangkap pantun empat baris yang bersesuaian dengan majlis pertabalan pemangku yang berkuasa, ataupun pemilihan wakil yang bertauliah dikemukakan seperti yang berikut:

**Jadual 1** Pantun pilihan majlis pelantikan.

<p>Harum baunya si bunga Tanjung, Harum semerbak melintasi gunung; Tuan umpama intan dan payung, Hujan dan panas tempat berlindung.</p> <p style="text-align: right;">(Chew, 2011:37)</p>	<p>Memasang jerat di hujung kampung, Direndam lama dawai berkarat; Panjang dikerat pendek disambung, Tanda kerjasama dan sepakat.</p> <p style="text-align: right;">(Nik Hazlina, 2022:25)</p>
---	--

Sebagai sumber pedagogi bahasa Melayu, pantun empat kerat yang terkutip dalam karya Xu (2015:190) memang berguna sebagai rujukan akal budi orang Melayu:

Hidupkan api memanggang ikan,  
Budak-budak balik menjala;  
Hidup mati bersama tuan,  
Tidaklah saya banyak bicara.

Pantun empat baris yang juga disebut pantun empat kerat digunakan secara meluas pada masa ini sehingga ragam pantun ini pernah dijadikan ragam sasaran bagi modul binaan pantun dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu (Rashidah et al., 2018a). Dari sudut pedagogi bahasa Melayu, kemahiran menghasilkan serangkap pantun asli sememangnya satu kecerdasan bahasa yang mencabar para pelajar, terutamanya pelajar bahasa asing yang cuba menguasai bahasa Melayu pada peringkat universiti. Sememangnya pembelajaran tentang tatacara mencipta pantun mendatangkan ganjaran seperti kemahiran silang budaya kerana pantun Melayu berperanan sebagai jendela pengetahuan yang menyerlahkan budaya-bahasa Melayu (Sew, 2018a). Peluang mencipta pantun sebagai pembelajaran penulisan baharu melahirkan pengalaman yang berbeza daripada penulisan esei. Sebagai satu peluang pembelajaran bahasa asing yang kreatif, pelajar bahasa Melayu mula mencuba untuk menghasilkan frasa pantun bergaya estetik serta mempunyai nilai murni.

Semasa berusaha menghasilkan serangkap pantun yang sempurna dari segi binaan dan rima seseorang pelajar bahasa Melayu, yang juga merupakan penutur asing, perlu membina frasa empat kerat secara gigih. Apatah lagi sebagai pemantun harus menerokai akal budi yang terpendam dalam naluri orang Melayu apabila mereka mula menghayati fenomena alam semula jadi.<sup>1</sup> Perkara sedemikian hanya mungkin berlaku melalui penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang persis. Pengetahuan berkaitan dengan flora dan fauna, serta kesedaran *keratabahasa*, yang dikenali sebagai onomatopeia berguna untuk mewujudkan corak rima paradigmatic ABAB yang baik. Keindahan nada yang berima turut kedengaran apabila pantun empat baris yang baik

ciptaannya diujarkan. Sebagai suatu kaedah pembelajaran bahasa, kegiatan mencipta pantun melatih pelajar asing mengasah kemahiran berfikir aras tinggi.

## SOROTAN KAJIAN

Pengajaran puisi jarang-jarang dihuraikan dengan teliti dalam buku teks yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Melayu. Penggunaan sajak sebagai bahan pengajaran dan penulisan sajak sebagai matlamat pembelajaran bahasa Melayu pernah dilaporkan oleh Sew (2017). Laporan tersebut menyatakan bahawa perbincangan tentang penghasilan puisi sebagai teknik pembelajaran dalam pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing amat terhad. Antara manfaat pendidikan berteraskan puisi yang dinyatakan termasuklah peningkatan kecerdasan minda ketika merumuskan ayat untuk digabungkan dalam binaan sajak. Minat pelajar untuk mendekati budaya-bahasa penutur setempat semasa menghayati puisi turut meningkat. Pada masa yang sama, penulisan puisi menggalakkan pelajar meluahkan perasaan serta menghilangkan tekanan harian yang terpendam di hati. Di samping itu, pelajar yang membaca dan menulis semula karya sendiri akan membuat penyuntingan bahasa. Sekiranya pelajar rajin mencuba, penulisan puisi dalam warkah blog bukanlah suatu perkara yang mustahil (Sew, 2017:46):

*Firstly, a poem isolates the specific manner in which Malay nouns, verbs, and adjectives coalesce into a series of poetic messages. Demonstrating that poetic style is syntactic construction expels poetic alienation in foreign language education. Language learners are, thus, aware that writing and producing the digital content of a poem are relatable to everyday living.*

Ternyata dalam kurikulum bahasa Melayu Singapura, pantun Melayu telah disyorkan sebagai satu daripada genre sastra Melayu yang dapat meningkatkan kemahiran membaca pada peringkat darjah dua di sekolah rendah. Tambahan lagi, pantun Melayu juga dicadangkan sebagai satu daripada genre kesusasteraan yang mampu meningkatkan kemahiran mendengar pada peringkat darjah empat, dan enam di sekolah rendah (Curriculum Planning and Development Division, 2007: 12). Walau bagaimanapun, dalam kurikulum bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah di Singapura, tidak terdapat sebarang rujukan tentang pantun Melayu dalam sukatan pelajaran (Curriculum Planning and Development Division, 2020).

Sebagai perbandingan, pantun diangkat sebagai bahan didik hiburan yang bersesuaian dalam pembelajaran bahasa Melayu di Malaysia (A. Rahman, et al., 2015). Namun begitu, sambutan dingin terhadap genre sastra

sebagai sumber pendidikan di sekolah menengah pernah juga dilaporkan dalam kajian pendidikan Rashidah et al. (2018a:43):

Satu senarai bahan kesusasteraan pelbagai genre telah disediakan bagi setiap tingkatan. Namun demikian, oleh sebab kurangnya penekanan kepada pelaksanaan, arahan pekeliling tersebut seolah-olah terabai kerana beberapa faktor:

(i) Kerana tiada soalan akan dikemukakan dalam peperiksaan, sama ada peperiksaan sekolah atau peperiksaan awam tentang bahan kesusasteraan tersebut, dan

(ii) Guru menganggap pekeliling tidak serius sepertimana arahan yang dikeluarkan.

Oleh sebab pantun tidak diuji dalam peperiksaan kebangsaan di Singapura, penekanan terhadap kemahiran berpantun dalam kalangan pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mungkin bersifat sederhana dari segi pelaksanaan. Memandangkan kelembapan yang dialami dalam pembelajaran dan pengajaran pantun di kelas bahasa Melayu di Malaysia seperti laporan Rashidah et al. (2018a), mungkin tidak keterlaluan untuk membuat andaian bahawa peruntukan masa pengajaran untuk memahirkan pelajar dengan tatacara mencipta pantun, sama ada pada peringkat sekolah rendah, ataupun pada tahap sekolah menengah di Singapura amat kurang. Pertanyaan dengan Cikgu Z. Omar pada Hari Guru tahun ini mengenal pasti bahawa kelas bahasa Melayu di sekolah menengah Singapura tidak memperuntukkan aktiviti mencipta pantun.

Sebenarnya, Rashidah et al. (2018b) pernah mengkaji kesan penciptaan pantun dalam pembelajaran bahasa Melayu di Selangor, Malaysia. Kajian mereka melibatkan 15 orang pelajar Melayu yang dibahagikan kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan diminta untuk mencipta tiga jenis pantun empat kerat selepas setiap kumpulan diberikan bahan terpilih, termasuk ayat al-Quran. Pendekatan berpusatkan pelajar yang digunakan termasuklah mengagihkan tugas berkongsi maklumat, mencipta pantun, mencatat dan meneliti ayat al-Quran. Para pelajar dalam kajian turut berbincang-semak makna pantun sebelum membacakan tiga rangkap pantun empat kerat yang dicipta. Sebagai tinjauan susulan selepas sesi cipta pantun, para pelajar diminta membuat ujian kefahaman tentang maksud ayat al-Quran, mengadakan pertandingan mencipta pantun, dan menjawab soalan kaji selidik. Keputusan ujian kefahaman menunjukkan bahawa 12 orang pelajar didapati bertindak balas dengan baik. Hasil temu bual mendapati bahawa pelajar-pelajar berkeupayaan mengetahui maksud ayat al-Quran, dan ada pelajar yang menunjukkan peningkatan dalam nilai kerohanian (Rashidah et al., 2018b:52–53).

Terdapat beberapa perbezaan antara kajian ini dengan kajian Rashidah et al. (2018a & 2018b). Pertama, sasaran dalam kajian ini melibatkan pelajar Cina yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kedua, pelajar yang terlibat merupakan pelajar bahasa asing dari National University of Singapore (NUS) sedangkan kajian Rashidah et al. melibatkan pelajar Melayu sekolah menengah di Selangor. Ketiga, bahan pedagogi yang digunakan dalam perbincangan ini tidak berunsurkan agama Islam kerana subjek yang terlibat tidak mahir berbahasa Arab, dan kecerdasan kerohanian adalah di luar skop kajian ini. Tambahan pula, kajian ini tidak menguji kemahiran menterjemah daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu semasa mencipta pantun. Keempat, keseluruhan pengalaman pembelajaran termasuk pedagogi berpantun dalam kajian ini dilaksanakan menerusi aplikasi Zoom pada 2022 sedangkan kajian Rashidah, et al. dijalankan secara bersemuka di sekolah sebelum berlakunya wabak COVID-19. Kelima, kajian ini bersifat deduktif-deskriptif, iaitu mengimbas kembali kesan pembelajaran yang dilihat dalam ujian lisan. Kebolehan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu dirakamkan dalam klip video sebagai serahan akhir bagi tujuan penilaian pengajar berdasarkan skema penilaian. Persembahan lisan yang melewati skop arahan yang ditetapkan telah mewajarkan tinjauan semula terhadap rangkaian pedagogi yang boleh dianggap sebagai “pembelajaran teradun” (*blended learning*), manakala kajian Rashidah et al. melaporkan satu kajian pendidikan yang dirancang secara induktif.

Kaedah pengajaran yang berlandaskan kesepaduan aneka teknik pedagogi sehingga terbentuk pembelajaran teradun sepatutnya membuahkan kemahiran berfikir aras tinggi sebagai hasil pembelajaran. Pembelajaran teradun menghadapi kekangan untuk mengenal pasti keberkesanan pada akhir pengalaman pendidikan yang sememangnya diakui sebagai satu kelemahan besar dalam laman pendidikan Hurixdigital (2019). Selain itu, terdapat satu laporan yang menyimpulkan bahawa keberkesanan pembelajaran teradun masih kabur telah diterbitkan oleh lima orang pakar pendidikan. Dziuban et al. (2018) meragui hasil kebanyakan kajian yang melaporkan bahawa pembelajaran teradun berkesan bagi meningkatkan mutu pendidikan. Sebaliknya para pengkaji menerangkan bahawa mutu hasil pendidikan pembelajaran hanya pada peringkat pemantauan yang masih belum memperoleh suatu kepastian:

*Blends are not equivalent because of the manner on which they are configured. For instance, a careful reading of the sources used...the following blending techniques: laboratory assessments, online instruction, e-mail, class websites, computer laboratories, mapping and scaffolding tools, computer clusters, interactive*



*presentations and e-mail, handwriting capture, evidence-based practice, electronic portfolios, learning management systems, and virtual apparatuses. These are not equivalent ways in which to configure courses ... in actuality, blended learning is ... an idea or concept that can support a community of practice...but is weakly defined as fostering disagreement in the general group ... Quite simply, the situation is more complicated than that... "All linear models resemble each other, each nonnonlinear system is unique in its own way" (Dziuban et al., 2018:33).*

Adalah jelas bahawa pembelajaran teradun merupakan gabungan pelbagai jenis teknik pedagogi yang merumitkan konsep pembelajaran sehingga kesahihan, dan keberkesanan setiap komponen pembelajaran teradun menjadi sukar untuk dipisahkan bagi tujuan penilaian. Pembelajaran teradun bukanlah kaedah pedagogi yang seragam. Setiap cabang pedagogi yang teradun perlu dihuraikan secara tepat dalam pengajaran bahasa. Pendekatan pengajaran yang menggandingkan aneka ragam pedagogi, termasuk platform digital sebagai kaedah bantuan bagi kelestarian pembelajaran sesuatu topik, atau projek pendidikan mensyaratkan huraian jitu bagi penilaian setiap komponen yang terlibat supaya kesan pembelajaran dapat dikaitkan dengan setiap ragam pengajaran secara langsung.

Kajian kuantitatif tentang pembelajaran teradun di Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Pakistan berakhir dengan laporan maklum balas yang positif bagi angkubah seperti **suasana pendidikan yang berpusatkan pelajar, gaya pembelajaran swadiri, kerjasama pembelajaran antara rakan sebaya, dan kewujudan fikiran reflektif** (Jumani et al., 2018). Namun begitu, dalam statistik berdasarkan soal selidik terhadap 126 orang pelajar, dan 20 orang guru, terdapat data yang memperlihatkan nilai tidak bersetuju yang agak besar bagi beberapa angkubah. Sebanyak 63% pelajar mendapati komunikasi melalui Skype sukar diikuti, 71% menghadapi kesukaran belajar secara dalam talian, 51% pelajar tidak bersetuju bahawa pengajaran melalui platform Sistem Bimbingan Pembelajaran (*Learning Management System, LMS*) dilakukan sepanjang semester, dan 75% pelajar berpendapat bahawa penglibatan dalam aplikasi sembang, dan perbincangan melalui *Sistem Bimbingan Pembelajaran* sukar diikuti. Daripada angka statistik ini, para pengkaji Pakistan menyimpulkan bahawa:

*Overall, findings revealed students' satisfaction towards Blended Learning approach whereas they were dissatisfied with participating in chats or discussions on LMS, delay in feedback on their assignments and other tasks, quality of online content and LMS training sessions not held throughout the semester (Jumani et al., 2018:150).*



Kecelaruan dalam penilaian pembelajaran teradun telah dikupas dengan baik oleh John Arul Phillips yang menjelaskan bahawa sari pati pembelajaran teradun dengan frasa, “rahsia sebenar terkandung dalam adunan” (*the secret is in the blend*). Antara ragam pembelajaran teradun yang disenaraikan oleh Phillips (2021) termasuklah:

*For certain courses or subjects, students may spend more time online while for others, they may spend more time interacting in-person. In other situations, half the students in a class may be online while the other half are in school, which is followed by students rotating accordingly. The different modalities of hybrid-blended learning will certainly help to reduce digital fatigue among students and teachers.*

Hal ini dapat dirumuskan bahawa para pelaksana pembelajaran teradun perlu memilih keteradunan pedagogi yang terbaik, dan mereka boleh berbuat demikian dengan menjawab soalan seperti: *apa yang diajar, di mana ia diajar, oleh siapa, kepada siapa dan bagaimana pembelajaran tersebut dinilai?*

## **PENYATAAN MASALAH**

Pembelajaran teradun merupakan rujukan mutlak bagi pedagogi yang dirancang supaya waktu bersemuka antara guru dan pelajar semakin berkurangan. Pendekatan ini bersesuaian dengan situasi global baharu yang semakin terencat dengan wabak penyakit berjangkit, dan persengketaan kuasa. Pada tahap permulaan, para pelajar diberikan rangsangan pedagogi digital yang bersifat nyah sinkronik sebagai rangsangan pendidikan dalam talian pada peringkat persediaan awal. Rangsangan ini termasuklah menonton video, dan merujuk-semak bahan bacaan dalam fail Microsoft sebelum pelajar dan pengajar bersemuka di dalam kelas bagi menyempurnakan kerja susulan yang ditetapkan. Dengan cara ini, rangsangan pendidikan prapertemuan terjalin adun dengan pedagogi yang dijalankan secara bersemuka dalam kurikulum pembelajaran teradun demi mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Walaupun perbincangan ini akur dengan kefahaman yang sedia ada, iaitu penulis mengemukakan persoalan sejauh manakah kesan pembelajaran pelajar dapat dikatakan teradun dengan baik dari segi kesan penghasilannya? Sekiranya ada usaha menggabungkan beberapa kaedah dalam pengajaran sesuatu topik sebagai pembelajaran teradun maka kesan pendidikan yang sewajarnya dapat memperlihatkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Perbincangan ini mengenal pasti keterampilan pelajar kurun ke-21 yang boleh direnung bersama sebagai kayu ukur dalam penilaian pembelajaran teradun yang

melibatkan pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Antara keterampilan mutakhir yang dapat dirangkumkan dalam kemahiran berbahasa Melayu termasuklah:

Keterampilan literasi sivik, kesedaran global, dan antara-budaya  
Pemikiran kritis dan berdaya cipta  
Keterampilan berkomunikasi dan bersuai-gabung dengan informasi  
(Pendidikan Singapura, 2021, Okt. 18, diterjemahkan daripada bahasa Inggeris)

Kajian ini melaporkan suatu rangkaian pedagogi yang berakhir dengan hasil pembelajaran teradun yang memuaskan. Kajian pedagogi bahasa Melayu sebagai bahasa asing ini menggunakan huraian deduktif-deskriptif. Huraian deduktif-deskriptif menyuratkan bahawa logik dalam kesimpulan bersifat sah kerana tatacara dan dapatan kajian yang berkaitan juga bersifat sah (Stanley, 2002). Masalah kajian deduktif ialah terdapatnya kemungkinan bahawa kesimpulan yang sah masih dapat dipalsukan sekiranya mana-mana bahagian tatacara kajian didapati tidak memiliki nilai kesahihan mutlak. Apabila kesahihan kesimpulan dimansuhkan sebagai palsu, hasil sesuatu kajian akan bertukar menjadi tidak boleh dipercayai.

Masalah tatacara kajian diseleweng tidak berlaku dalam laporan pedagogi bahasa asing yang telah dilestarikan. Keteradunan pembelajaran melalui penerapan kemahiran mencipta pantun yang dipelajari secara berasingan dalam kegiatan perbualan bahasa Melayu merupakan paparan kesan pembelajaran yang telah disempurnakan secara sah lagi mutlak. Hal ini disebabkan analisis deduktif terhadap hasil keteradunan yang maujud meninjau kesan pendidikan bahasa asing berdasarkan kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan dengan lengkap. Kesan pendidikan bahasa asing ini membolehkan kita menelusuri kaedah pengajaran tatacara penghasilan pantun sebagai pedagogi yang berfaedah. Penerapan pantun gubahan asal pelajar asing semasa mereka menguruskan persembahan wacana lisan secara komunikatif menyiratkan kemahiran berfikir aras tinggi telah tercapai.

Analisis deduktif ini bermula dengan keterangan tentang persembahan lisan melalui rakaman video YouTube sebagai penilaian bahasa Melayu. Rakaman video sebagai kaedah pembelajaran bahasa asing yang lebih berkesan berbanding dengan rakaman audio diterangkan dengan jelas seperti pernyataan yang berikut:

Apabila pelajar diminta menyediakan video rakaman dalam bentuk perisian yang diminati, maka mereka akan melakukan dengan baik. Hal ini berbeza dengan merakam audio sahaja, di mana pelajar sekadar membaca dan tidak serius dalam usaha untuk memahami makna perkataan dan ayat yang ditulis. Dengan rakaman video, pelajar menjadi lebih bersungguh-sungguh dan teruja untuk melakukannya

dengan terbaik kerana mereka mahu dilihat baik dalam bahasa badan dan pertuturan yang diujarkan (Juwairiah & Mardian, 2021:25).

Dalam rakaman penilaian lisan, para pelajar asing berbual secara berpasangan dalam kelas bahasa Melayu (sebagai bahasa asing). Dalam kuliah, pelajar dimaklumkan bahawa jalan cerita perbualan harus berdasarkan satu peribahasa Melayu pilihan sendiri. Dalam persembahan lisan yang sebenar pula, dua orang pelajar Melayu menunjukkan kemahiran berfikir aras tinggi apabila mereka mengenang kehilangan seorang kekasih dengan serangkap pantun ciptaan bersama. Secara deduktif, kita menggolongkan respons yang terhasil telah melebihi cakupan skop arahan. Penerapan pantun merupakan petunjuk bahawa kesan yang diharapkan daripada pembelajaran teradun terhasil dengan jayanya menerusi pengalaman pembelajaran bahasa Melayu yang disempurnakan. Kemahiran berfikir aras tinggi sebagai kesan pedagogi bahasa bermaksud keupayaan pelajar asing menggunakan pantun sebagai teknik mengimbas kembali kematian seorang kekasih untuk menimbulkan perasaan hiba dalam perbualan lisan. Sebaliknya, pada tahap kemahiran biasa, perkara yang sama akan diujarkan dengan ungkapan biasa melalui penggunaan kata adjektif seperti *sedih* dan *susah hati*. Penggunaan puisi Melayu tradisional seperti pantun menunjukkan kemahiran dan kecerdasan berbahasa yang jauh melewati batasan gaya wacana yang menjadi kelaziman. Persoalan yang ingin diutarakan ialah apakah pedagogi yang dapat menambat hati pelajar sehingga mereka berminat menggunakan pantun Melayu dalam penilaian lisan? Tinjauan susulan secara deduktif-deskriptif digunakan untuk menghuraikan pengkaedahan bahasa yang telah dilaksanakan.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini tidak mungkin terhasil tanpa tawaran modul bahasa Melayu peringkat 3 yang berjaya mendaftarkan lapan orang pelajar asing pada 2022. Modul Bahasa Melayu (LAM3201/MALAY 3) ini telah ditawarkan pada semester kedua tahun akademik 2021/22 di Kolej Kemusiaan dan Sains, NUS. Arahan daripada pejabat dekan NUS, kuliah bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang berlangsung dari 10 Januari sehingga 15 April 2022, perlu dijalankan secara dalam talian sepenuhnya melalui aplikasi Zoom demi menjaga keselamatan para pelajar daripada ancaman wabak COVID-19. Dalam kerangka kursus yang tertera dalam sistem bimbingan pembelajaran yang dinamakan LumiNUS, pelajar dikehendaki membuat tugas bernilai 15% yang merupakan serangkap pantun karya asli untuk dibentangkan dalam kelas talian pada minggu kesepuluh. Pantun berserta keterangan yang berpandukan soalan daripada pensyarah perlu dihantar menerusi kiriman warkah blog.

Secara berasingan, modul bahasa Melayu ini juga mensyaratkan kerja berpasangan bagi penilaian lisan yang bernilai 15% pada minggu kesebelas yang akan disempurnakan melalui rakaman video untuk dimuat naik ke YouTube. Arahan yang diberikan termasuklah melakarkan jalan cerita lisan berpandukan satu peribahasa pilihan pelajar sendiri. Antara peribahasa pilihan mereka termasuklah *bagai aur dengan tebing*, *dahulu parang sekarang besi*, dan *masakan buaya menolak bangkai*. Yang berikut merupakan pecahan penilaian modul LAM3201 yang dikaji:

**Jadual 2** Penilaian Bahasa Melayu Modul LAM3201 di NUS.

Minggu	Butiran Penilaian	Nilai (%)
Berterusan	Penyertaan sendiri di kelas	10
6	Esei Naratif Bahasa Melayu	20
10	Persembahan Pantun	15
11	Lisan Berpasangan	15
12	Ujian Bertulis	40



**Rajah 1** Pantun pelajar bahasa asing yang dibentangkan di kelas.

Sumber: NG, S. S. (2022).

Semua pelajar asing yang telah mengikuti kuliah pantun bahasa Melayu didedahkan tentang tatacara mencipta pantun pada minggu ketujuh, serta kelapan dalam jadual semester sepanjang 13 minggu. Keterangan tentang penilaian kursus dalam kuliah pada minggu pertama menjelaskan bahawa tugas pantun perlu diselesaikan pada minggu kesepuluh dengan rakaman persembahan berbentuk *PowerPoint* yang dipautkan pada YouTube. Dalam sesi Zoom pada minggu kesepuluh, video ini akan ditayangkan kepada semua pelajar sebelum pensyarah memberikan komen kepada pelajar tentang nada persembahan, penggunaan bahasa, pilihan perlambangan, dan gaya penyataan makna dalam frasa. Rajah 1 merupakan contoh pantun empat baris yang diselesaikan oleh seorang pelajar bahasa asing.


### **Fokus Kajian Deduktif**

Kesan pembelajaran teradun berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi diperhatikan dalam penilaian lisan pada minggu kesebelas. Di samping itu, penghasilan pantun bukan perkara yang mudah bagi pelajar asing, dan keserasian pantun dalam persembahan lisan menguji daya pemikiran logik pembayang maksud dengan flora dan/atau fauna di samping kecerdasan linguistik berima silang. Keteradunan pembelajaran jelas kelihatan dalam persembahan lisan bahasa Melayu menerusi rakaman video YouTube yang menunjukkan perbualan biasa seorang siswa dengan seorang siswi Cina di NUS.

Walaupun perbualan yang disampaikan bukanlah dalam sebutan baku, kedua-dua orang pelajar ini mempersembahkan teknik imbas kembali yang menarik perhatian. Siswi yang kesedihan mengabadikan kenangannya dengan seorang kekasih yang telah meninggal dunia akibat penyakit barah otak menerusi serangkap pantun empat baris. Musim bunga yang singkat digunakan sebagai lambang sifat sementara dalam kehidupan. Bunga sebagai flora yang menyerikan musim bunga mengikat hubungan mesra dua entiti pada saat-saat manis yang singkat. Ujaran dengan gaya irama pantun menandakan resonans pragmatik tetapi pada masa yang sama disampaikan dalam nada menurun menimbulkan rasa kesedihan pada penghujung rakaman lisan.<sup>2</sup> Pantun kenangan perpindahan pelajar (CJM, 2022) yang dikaji adalah seperti dalam Jadual 3.

Perlu dijelaskan bahawa ujian lisan bahasa Melayu pada minggu kesebelas tidak mensyaratkan penggunaan pantun. Pantun empat baris yang digunakan dalam persembahan lisan oleh pasangan pelajar yang berfikiran aras tinggi ini dapat dianggap sebagai suatu inovasi kreatif dan mewajarkan satu kajian ilmiah secara deduktif terhadap kaedah pengajaran bahasa asing. Dari sudut sebutan bahasa Melayu, pelajar

**Jadual 3** Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di NUS.

Pantun kenangan abadi	Adegan rakaman lisan di NUS
<p>Musim bunga sudah dekat,                      Bunga itu adalah miliknya;                      Hidup nampak panjang tapi singkat,                      Marilah kita hargai sepenuhnya.</p>	

bahasa asing diperkenalkan dengan sebutan bahasa baku di dalam kelas. Namun begitu, sebutan loghat Johor-Riau diterima sebagai satu kelainan sebutan bahasa Melayu yang diterima dengan konsep keterampilan “bahasa pembelajar” (*learner language*) sebagai angkuabah sahah dalam pembelajaran sesuatu bahasa (Hawkins & Buttery, 2009; Sew, 2015). Latar belakang pelajar asing yang berasal dari isoglos Johor-Riau-Singapura perlu diambil kira, serta faktor pergaulan sesama rakan taulan tentang topik peribadi (cf. Sew, 2022a). Ragam bahasa perbualan tidak rasmi yang digunakan bersesuaian dalam persembahan lisan yang dikemukakan.

### PENGAEDAHAN PANTUN

Dalam kuliah ketujuh yang bertajuk *Pantun dan Nilai Murni*, para pelajar asing berpeluang mengenali dan memahami ragam pantun Melayu empat baris (Sew, 2022b). Pembelajaran pantun ini melibatkan tiga perkara utama. Pertama, binaan pantun yang terdiri daripada gabungan pembayang, dan maksud diterangkan secara panjang lebar. Kedua, julat suku kata dalam setiap baris pantun empat kerat yang dibenarkan secara lazim adalah antara lapan hingga dua belas suku kata. Pengajar turut serta bersama-sama pelajar meneliti pantun di skrin pipih untuk kepastian. Ketiga, alunan rima *ABAB* secara berselang-seli pada suku kata terakhir dalam setiap baris pantun diperdengarkan melalui pembacaan. Pada masa yang sama pengajar turut mencipta serangkap pantun sebagai teknik untuk memikat perhatian pelajar asing. Perlu dinyatakan genre pantun bukan suatu bahan bacaan yang mudah ditemui dalam kehidupan pelajar Cina di Singapura yang belajar bahasa Melayu sebagai

bahasa asing. Oleh itu, sebarang usaha tambahan untuk mempermudah pemahaman dan penerimaan puisi tradisi sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran bahasa Melayu sentiasa dialu-alukan.

Kuliah kedua pada minggu ketujuh menggunakan video rakaman *Joget Burung Tiong* dendangan Putra Aniza dan Mazdelaila (Mazdelaila, 2008). Soalan tentang struktur pantun yang disediakan dalam warkah blog dibaca dan dijawab bersama-sama dengan para pelajar selepas pensyarah berkongsi kata laluan bagi laman blog di kelas maya Zoom. Selain soalan tentang binaan dan format pantun empat baris, soalan kefahaman berdasarkan pembayang dan maksud pantun juga dikemukakan. Semasa mengikuti nyanyian pantun yang merdu perhatian pelajar juga ditujukan pada serangkap pantun dua baris yang dinyanyikan pada bahagian korus lagu. Korus tersebut berbunyi, *Tepuk-tepuklah tangan mari menari; Hilangkan susah sambil menyanyi*. Para pelajar digalakkan bertepuk tangan secara berulang untuk menghayati makna perkataan /tepuk/, walaupun bukan semua yang mengikut arahan dalam kelas maya Zoom. Nyanyian pantun yang didendangkan dengan rentak yang rancak untuk menghidupkan suasana pembelajaran supaya menjadi lebih berkesan di dalam kelas maujud. Senyuman dan gaya joget para penari yang menyenangkan hati sedikit sebanyak dapat menghilangkan tekanan pembelajaran puisi bagi pelajar yang cuba berjinak-jinak dengan pantun dalam kuliah pantun yang kedua.

## **KULIAH PELENGKAP PANTUN**

Perbincangan tentang kesan pembelajaran teradun ini menumpukan perhatian terhadap kuliah ketiga pada minggu kelapan yang merupakan kuliah pelengkap pantun. Kuliah yang bertajuk “Memahami Binaan Pantun” ini berfungsi sebagai pengukuhan minda puisi agar pelajar menjadi mahir dan yakin untuk menyelesaikan tugas reka cipta pantun (Sew, 2022c). Kuliah yang mengambil masa satu setengah jam ini bermula pada pukul dua petang, hari Jumaat. Semasa pelajar mula memasuki ke alam maya Zoom dalam pembelajaran dalam talian, lagu Allahyarhamah Saloma berjudul, *Bila Sang Bulan Menjelang* (Omarallatas, 2018) yang mengandungi beberapa ungkapan berima berkumandang sebagai muzik latar. Pengajaran kuliah pelengkap ini terbahagi pada tiga bahagian, iaitu pedagogi nama monyet, pedagogi keratabahasa, dan pedagogi persembahan pantun.

### **Pedagogi Nama Monyet**

Dalam tiga puluh minit pertama, pelajar diingatkan semula akan serangkap pantun dalam buku Arthur W. Hamilton, yang pembayangannya mengandungi frasa *anak beruk*



**Jadual 4** Nama Monyet dalam bahasa Melayu sebagai bahan pembelajaran pantun.

Isikan nama monyet yang tepat di bawah setiap gambar.				
BABUN				
BERUK				
KERA KETAM	__ __ RUK	__ __ TONG	_ RANG __ TAN	__ __ BUN
LOTONG KELABU				
LUTONG				
MONYET TUPAI AM				
ORANG UTAN	__ __ __ MANG	MON ____	LO ____	KE __ __
SIAMANG		TU __ __ __ AM	KE ____	KE __ __ __

Sumber gambar: Creative Commons 4.0 (CC BY 4.0).

sebagai fauna (sila lihat *Pengenalan*). Beberapa nama monyet dalam bahasa Melayu diperkenalkan sebagai sumber kosa kata nama khas kerana nama-nama ini dapat dijadikan pilihan rima pembayang agar bunyi suku kata terakhir dalam pembayang seirama dengan suku kata terakhir maksud yang diperlukan sehingga terjelma pola rima *ABAB*. Secara berulang pelajar asing diminta meneka dan memadankan nama-nama monyet menerusi gambar yang memaparkan gambar dan suku kata terakhir ataupun pertama nama-nama monyet yang sebenar.

Proses meneka nama monyet secara berulang dapat memperkaya perbendaharaan kata nama khas dalam minda pelajar. Dari sudut sosiobudaya, nama monyet sesuai dijadikan rujuk silang budaya pelajaran bahasa asing kerana haiwan ini merupakan fauna yang juga didapati dalam cerita rakyat Cina dan India. Filem arahan Stephen Chow, pernah meriwayatkan bahawa watak Sun Wu Kong, yakni Raja Monyet Cina telah mengembara ke Asia Barat bersama-sama dengan guru, dan rakan sebaya (Izha, 2019). Dalam kesusasteraan India pula, watak Hanuman yang mengespalai sepasukan

monyet untuk memerangi raja syaitan memang terkenal dalam puisi *Ramayana* (Kahani, 2018). Dalam tradisi persuratan lisan India dan Cina, iaitu *Hanuman* dan Sun Wu Kong merupakan simbol kekuatan fizikal dan pengabdian yang akur kepada pihak tuan. Kedua-dua watak ini merupakan ikon kebudayaan yang cukup popular. Pengajar cuba mengaitkan imej monyet dengan cerita rakyat sebagai jalinan buah fikiran baharu dalam kalangan pelajar bahasa asing, sebagai satu pengukuhan susulan. Pelajar asing diminta menuliskan dua baris ayat pembayang yang melibatkan sejenis monyet sebagai latihan.<sup>3</sup>

### **Pedagogi Keratabahasa**

Selanjutnya, dalam 30 minit yang kedua, para pelajar diminta mengimbas kembali korus *Joget Burung Tiong* yang mengandungi serangkap pantun dua baris (sila lihat *Pengkaedahan Pantun*). Konsep onomatopeia diperkenalkan dalam kelas sebagai suatu kaedah mencipta pantun. Onomatopeia dikenali sebagai *keratabahasa*, iaitu perkataan yang melambangkan bunyi, sama ada bunyi hasilan semula jadi seperti *debus*, *gemuruh*, *tempias*; bunyi buatan manusia seperti *dekah*, *ilai*, *nyenyak*; ataupun bunyi terbitan haiwan seperti *decit*, *embek*, *ngaum* (Sew, 2005; 2007; 2018b). Perkataan /tepuK/ dalam korus lagu *Joget Burung Tiong* digalurkan sebagai perkataan onomatopeia yang istimewa. Selain berstatus kata kerja dengan makna *menampar kedua-dua belah tapak tangan kanan dan kiri bersama-sama sehingga menimbulkan bunyi*, perkataan /tepuK/ ialah bunyi yang terhasil daripada perbuatan tersebut dilakukan yang lantas melambangkan bunyi aksi tangan yang dimaksudkan, iaitu bertepuk.

Seterusnya, pengajar menyenaraikan perkataan bahasa Inggeris bersifat onomatopeia yang perlu diterjemahkan kepada bahasa Melayu secara rawak oleh para pelajar asing. Onomatopeia bahasa Inggeris digunakan sebagai sumber kosa kata yang mudah difahami selaras dengan bahasa pertama pelajar asing, dan sesuai digunakan dalam pembelajaran *keratabahasa* Melayu demi melestarikan kefahaman aras tinggi.<sup>4</sup> Senarai jawapan terjemahan onomatopeia bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu adalah seperti dalam Jadual 5.

Walaupun sesetengah pakar bahasa menganggap onomatopeia sebagai unsur yang bersifat remeh-temeh, penerbitan tentang onomatopeia masih giat disiarkan dewasa ini (Christiansen & Chater 2022; Vainio & Vainio, 2021). *Keratabahasa* Inggeris yang berbentuk frasa terikat seperti *crash and burn*, *spit and polish*, *kiss and tell*, *bow and scrape*, *sixes and sevens*, *nickel and dime*, *alive and kicking*, *head and shoulders above [somebody]*, *suit and tie*, *cloak and dagger*, dan *cat and mouse*

pernah dikaji. Kepentingan frasa sebegini dalam proses pemahaman kosa kata diakui dalam kajian pengajaran bahasa kedua (Boers & Lindstromberg, 2009:72).

**Jadual 5** Senarai perkataan onomatopeia Bahasa Inggeris dalam kuliah pantun.

Perkataan onomatopeia Bahasa Inggeris	
<i>Bang</i>	
<i>Clap</i>	
<i>Click</i>	
<i>Coarse</i>	
<i>Crash</i>	
<i>Dash</i>	
<i>Jingling</i>	
<i>Knock</i>	
<i>Rickety</i>	
<i>Sobbing</i>	
<i>Snore</i>	
<i>Sound (asleep)</i>	
<i>Splash</i>	
<i>Spray</i>	
<i>Turmoil</i>	
<i>Twinkle</i>	
<i>Whack</i>	
Perkataan keratabahasa yang digunakan sebagai padanan onomatopeia di atas	
	Dentum
	Tepuk
	Klik
	Garau
	Langgar
	Gegas
	Kerincing
	Ketuk
	Kreyot
	Teresak-esak
	Dengkur

Perkataan keratabahasa yang digunakan sebagai padanan onomatopeia di atas	
	Nyenyak
	Kecipak
	Pancut
Perkataan keratabahasa yang digunakan sebagai padanan onomatopeia di atas	
	Kecamuk
	Kelip
	Hentam

Dalam pendidikan bahasa Melayu, khususnya pada tahap morfologi bahasa, onomatopeia ialah topik yang mustahak (cf. Collins, 1986). Ungkapan bahasa Melayu yang mengandungi onomatopeia menyajikan ciri penyataan maksud yang unik. Onomatopeia sebagai wadah linguistik autentik berguna untuk menarik minat dan memikat perhatian pelajar bahasa asing (Sew, 2018b). Richard J. Wilkinson telah membuat satu pemerhatian *keratabahasa* bahasa Melayu yang teliti seraya menunjukkan naluri kemelayuan dalam proses penghasilan leksikon menerusi pengamatan bunyi kambing *bek, bah, debek, embek, bebek* dan *bedebek* (Wilkinson, 1936:75). Kajian keratabahasa tentang kata akar untuk warna panas dan warna sejuk bahasa Melayu juga menunjukkan siratan makna onomatopeia dalam leksikon bahasa Melayu (Sew, 1997). Pada akhir pembelajaran ini, pelajar asing diajak membaca pantun yang mengandungi perkataan onomatopeia:

**Jadual 6** Pantun Melayu yang mengandungi keratabahasa.

Rumpun-rumpun di tengah sungai, Pohon pauh dilapis duri; Bertahun-tahun tangis <i>berderai</i> , Kenangan jauh menghiris hati.	Pagi-pagi kita pun bangkit, ibu ayam terbang ke hutan; <i>Berdentam-dentum</i> guruh di langit, Itu alamat karam di lautan.
---	--

Sumber: Wan Akmal (2005:89); *keratabahasa* dalam pantun diberikan penekanan).

### Pedagogi Persembahan Pantun

Dalam 30 minit yang terakhir, satu rakaman video YouTube yang mengandungi persembahan pantun dipaparkan dalam kelas maya Zoom. Pelajar bahasa asing berpeluang melihat sendiri adegan berpantun antara tiga orang wanita Melayu yang berasal dari Deli, Riau-Lingga. Aksi pertuturan mereka yang lucu semasa bertanyakan maklumat tentang suami masing-masing akhirnya mendedahkan

hakikat bahawa mereka rupa-rupanya bermadu (berkongsi suami) dengan seorang lelaki yang sama. Gaya jual beli pantun yang ditunjukkan oleh penutur wanita ini benar-benar memberikan penampilan baharu terhadap frasa pantun yang terbelenggu di skrin pipih. Melalui intonasi pantun yang diujarkan secara serentak dengan nada pantun, kemerduan bunyi pantun muncul daripada frasa pantun yang sekian lama membisu. Ujaran pertanyaan mengusik hati yang dibalas dengan jawapan pintar dalam persembahan puisi lisan Melayu ini mengembalikan bibit rasa antara dua pihak yang bijak berbahasa secara silih ganti (Sew, 2022c). Jadual 7 memaparkan dua rangkap pantun yang dikutip daripada rakaman video *Madu Tiga Versi Pantun* yang termuat dalam Lemak Manis Channel (2022).

Kecerdasan berbahasa yang kreatif dalam pergaulan orang Melayu semasa bertegur sapa tanpa menjatuhkan air muka sesiapa jelas tampak dalam aksi berpantun. Kelebihan menggunakan pantun sebagai pengalas kata membekalkan pengetahuan komunikasi baharu kepada pelajar kuliah sebagai pelengkap untuk kemahiran berpantun. Pantun yang tercatat dalam warkah blog tiba-tiba berubah menjadi inti percakapan yang bernada merdu dalam pergaulan harian antara dua pihak.

**Jadual 7** Adegan video gaya jual beli pantun dalam pedagogi pantun.

	<p>Kalau boleh ke Kampung Cina. Di ceruk bakau kaya gelama; Kalau boleh aku bertanya, Laki engkau yang mana orangnya?</p>
<p>Mengapa pulak mencari duku? Kayu bakau hanyut di kuala; Mengapa pulak nanya laki aku?, Kelak engkau tergila-gila.</p>	

Sumber imej skrin: Lemak Manis Channel (2022).

Tatapan interaksi ini menyajikan suatu pengetahuan dan pengalaman berkomunikasi bersemuka yang unik kepada pelajar bahasa Melayu yang terdiri daripada penutur asing.

## PERBINCANGAN

Sekiranya para pelajar tidak memahami pengajaran yang disampaikan oleh pengajar, kaedah pengajaran yang digunakan dianggap tidak bersesuaian malahan merupakan satu kegagalan dalam pedagogi. Sama ada sesuatu kaedah pengajaran itu baik, atau sebaliknya, pendapat dan cadangan para pelajar yang mengikuti pelajaran yang berkaitan menjadi kata pemutus. Pepatah bahasa Kantonis *zi<sub>6</sub> daan<sub>4</sub> zi<sub>6</sub> coeng<sub>3</sub>* (berpetik [alat muzik] sendiri bernyanyi [lagu] sendiri) mengingatkan kita tentang masalah fenomena berhakim kepada diri sendiri. Oleh sebab itu, reaksi dan pandangan pelajar sebagai pengikut pedagogi penting dalam penilaian keberkesanan pengajaran. Semua modul NUS, modul bahasa Melayu LAM3201 dinilai oleh pelajar yang mengikuti kursus masing-masing. Penilaian modul ini terbahagi kepada dua pecahan, iaitu penilaian terhadap pengajar dan penilaian tentang modul.

Bagi penilaian terhadap pengajar, nilai purata *kecekapan guru secara keseluruhan* yang diperoleh ialah 4.6 daripada 5.0. Kadar penyertaan dalam penilaian ini ialah 62%. Dalam penilaian tentang modul, kursus bahasa Melayu ini memperoleh purata 4.6 daripada 5.0 mata bagi kriteria “pandangan pelajar secara keseluruhan”. Penilaian yang diperoleh adalah daripada lapan orang pelajar yang sama, iaitu para penilai modul orang yang baru menamatkan kursus tersebut. Secara perbandingan, kursus ini memperoleh nilai purata yang lebih tinggi daripada modul-modul peringkat 3000 di Fakulti Sastera dan Sains Sosial di NUS. Jadual 8 merupakan sebahagian daripada laporan asal penilaian tentang modul.

Dalam bahagian komen pelajar, empat orang pelajar menyatakan ciri-ciri modul yang menjadi kegemaran mereka. Perkara yang disebut termasuk saiz kelas yang kecil yang membolehkan lebih banyak peluang berbicara, peluang mempelajari

**Jadual 8** Penilaian Modul bahasa Melayu melalui soal selidik pelajar asing.

MODULE REPORT		Rating Score			
Module	LAM201-Malay 3	Module Average (2120-LAM3201) 4.6		Dept Avg (CENTRE FOR LANGUAGE STUDIES) 4.4	
Academic Year/Sem	2021/2022-Sem 2	Mean	Standard Deviation	Mean	Standard Deviation
Department	CENTRE FOR LANGUAGE STUDY	4.6	0.5	4.4	0.7
Faculty	ART AND SOCIAL SCIENCES	Module Average (2120-LAM3201) 4.6 Dept Avg (CENTRE FOR LANGUAGE ... 4.4			

budaya baharu, pengendalian kelas yang lucu dan seronok, kandungan modul yang bersesuaian, julat kosa kata yang luas dan banyak sumber diperkenalkan termasuk lagu, petikan dan puisi (sila lihat komen asal dalam Jadual 9).

Terdapat dua soalan tampungan di bawah kriteria “kecekapan guru secara keseluruhan” yang memperoleh angka 4.8. Soalan tampungan pertama, “guru telah meningkatkan minat pelajar bagi mata pelajaran yang diajar” dan soalan yang kedua, “guru telah membantu pelajar menghargai budaya bahasa sasaran serta merenung kembali budaya mereka sendiri”. Seperti fahaman cakupan luas dalam semiotik persembahan wacana (Sew, 2009), wacana penilaian tentang pedagogi pengajaran-pembelajaran dipengaruhi oleh pelbagai angkubah. Angkubah yang paling penting ialah pelajar bahasa asing dan pengajar bahasa. Daripada komen yang diberikan oleh para pelajar, ternyata mereka peka dengan kandungan kursus bahasa Melayu yang diikutinya. Kebanyakan pelajar yang mendaftarkan diri berpengalaman menyelesaikan banyak modul memandangkan hanya seorang pelajar tahun dua yang mendaftarkan diri, dan yang selebihnya pelajar tahun tiga serta tahun empat. Jurusan mereka yang berlainan merangkumi Ekonomi, Kejururawatan, Kejuruteraan, Kerja Sosial (Khidmat Masyarakat), Komunikasi Media Baharu, Pengajian Asia Tenggara, dan Sains Hayat.

Banyak faktor yang meninggalkan kesan boleh difikirkan dalam kelestarian kurikulum bahasa asing. Tidak dapat dinafikan bahawa kuliah mencipta pantun, dan kuliah pelengkap pantun merupakan sebahagian daripada pengalaman pembelajaran bahasa Melayu yang menimbulkan pandangan positif terhadap modul tersebut. Setidak-tidaknya, pengalaman pembelajaran pantun Melayu merupakan rangsangan

**Jadual 9** Komen pelajar bagi LAM3201 di NUS.

WHAT I LIKE/DISLIKE ABOUT THE MODULE	
What I like about the module	
<b>Comments</b>	
The small class size was fun and there were a lot of opportunities for speaking/practising.	
Learning new cultures	
Content is relevant, covered wide range of vocabulary, many Malay element/resources were introduced eg. Malay song, articles poems	
Lighthearted and fun	
<b>Comments</b>	
Being online made it hard to make friends and get closer with the class.	
Nil	
Nil	
-	

Sumber: Laporan Penilaian Modul dalam sistem *LumiNUS* (2022).



pengajaran yang penting sehingga perkataan puisi disebutkan pada bahagian komen pelajar dalam penilaian modul LAM3201. Selain perkara yang baik, terdapat komen tentang kelemahan modul. Kelemahan modul menurut komen seorang pelajar adalah sukar untuk berkawan rapat kerana pengajaran dijalankan secara dalam talian. Komen ini menunjukkan bahawa ada pelajar asing lebih berminat untuk berinteraksi secara bersemuka. (Semua kuliah bahasa Melayu di Kolej Kemusiaan dan Sains, NUS pada tahun akademik 2022/23 dijalankan secara bersemuka sepenuhnya).

Sekiranya tidak dipantau dengan teliti penggunaan Zoom juga boleh mendatangkan beberapa masalah dalam pendidikan. Terdapat pelajar yang tidak suka membuka siaran video semasa mereka mengikuti pelajaran. Daripada gejala pembelajaran yang tidak suka menampakkan wajah di Zoom, disahkan terdapat pelajar yang memandu kereta sambil mengikuti kuliah pelengkap pantun dalam talian. Perkara ini diketahui apabila pengajar menjalankan kuiz pendengaran secara mengejut pada penghujung kuliah. Di samping itu, memang seperti satu kelaziman bagi sesetengah pelajar mengikuti kelas secara “berlenggang kangkung” sehingga terlewat 10 minit untuk menyertai kelas maya. Jurang perpisahan fizikal yang begitu ketara antara pengajar dengan pelajar menyebabkan pemantauan secara langsung menjadi terbatas lantas kelakuan kurang berdisiplin seperti lewat hadir, bersembang dengan kawan lain dalam talian atau belajar sambil makan di restoran berlaku. Walau bagaimanapun, Zoom tetap menawarkan ruang pendidikan maya yang penting kerana aplikasi ini menyediakan peluang berinteraksi secara bertentang mata yang selamat daripada ancaman virus. Kemudahan rakaman video yang mudah digunakan turut menjayakan aktiviti pengajaran dan persembahan bahasa asing.

## **KESIMPULAN**

Perbincangan tentang pedagogi bahasa khususnya pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing merupakan suatu perbincangan akademik yang berterusan kerana pengemaskinian perlu diusahakan secara tekal demi kelestarian pengkaedahan bahasa Melayu dalam kalangan pengajar. Rangkaian kaedah pengajaran bahasa Melayu ini tergolong sebagai pembelajaran teradun yang memanfaatkan Zoom, dan YouTube di samping sistem bimbingan pembelajaran LumiNUS. Peleraian deduktif ini menggalurkan tiga bentuk pengajaran yang memupuk keinginan pelajar asing untuk menghasilkan pantun sekali lagi, selepas menyelesaikan tugas pantun yang asal pada minggu kesepuluh. Pedagogi yang dibincangkan telah memainkan peranan sebagai penjana daya motivasi di sebalik kewujudan pembelajaran teradun yang berkesan dalam bentuk pantun kenangan yang teradun dalam persembahan lisan pada minggu kesebelas secara sukarela.

Satu kekurangan yang boleh difikirkan bersama dalam laporan ini ialah dua orang pelajar bahasa asing sahaja, yakni 25% daripada jumlah pelajar yang berdaftar berminat untuk menghasilkan pantun sebagai selingan emotif dalam projek lisan mereka. Kecerdasan berpantun adalah berbeza daripada kecerdasan berbahasa kerana kemahiran berpantun bukan setakat penguasaan bahasa secara celik huruf, dan kepetahan berkata-kata. Kebolehan menghasilkan pembayang yang bersinambungan dengan maksud menguji pemahaman bahasa Melayu secara berkias di samping kemahiran untuk menghubungkan rujukan metafora yang tersirat dengan rujukan harfiah yang tersurat secara berirama. Kebolehan menjelmakan corak rima *ABAB* yang menarik perhatian juga memerlukan latihan tubi sebelum seseorang pelajar bahasa asing mampu menghasilkan serangkap pantun yang menimbulkan kesan tertentu sebagai selingan puitis dalam perbualan bersemuka. Sekurang-kurangnya, kesan pembelajaran teradun yang terhasil secara maujud telahpun berlaku dalam kalangan pelajar bahasa asing yang pernah didedahkan pengetahuan tentang struktur dan binaan pantun Melayu. Disimpulkan bahawa pelajar bahasa Melayu yang terdiri daripada penutur bahasa asing dapat menggunakan pantun dalam penilaian lisan sekiranya mereka mendapat rangsangan pembelajaran yang melibatkan tugas mencipta pantun.

## NOTA

1. Penulisan ini menggunakan perkataan fenomena bagi rujukan majmuk, dan fenomenon bagi rujukan tunggal. Kedua-dua perkataan tersebut boleh disemak dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:409).
2. Pantun yang dihasilkan oleh para pelajar ini tidak pernah dibincangkan dengan guru. Guru sendiri amat teruja apabila mendengar alunan pantun dalam persembahan lisan mereka.
3. Yang berikut ialah contoh serangkap pantun yang dihasilkan dalam kuliah ketiga selepas pelajar-pelajar asing mempelajari pelbagai nama monyet:

Baring sekejap anak siamang,  
Tunggu buruk malas memanjat;  
Buat baik untuk setiap orang,  
Hati gembira badan sihat.

4. Penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran bahasa Melayu tidak harus dianggap sebagai suatu usaha penggunaan bahasa perantaraan. Dalam fahaman translingual yang dipelopori oleh Li Wei dan Ofelia Garcia (2022), para pelajar bahasa asing sebenarnya bukan penutur bahasa pertama, kedua, dan ketiga secara terasing, tetapi mereka menguasai bahasa yang mengadunikan nahu dan kosa kata daripada bahasa yang berbeza-beza. Minda pelajar bahasa asing yang bersifat multilingual tidak membahagikan bahasa secara berasingan menurut takrifan sistem bahasa yang berasingan. Penutur bahasa Inggeris bukannya orang Inggeris sahaja. Orang Melayu yang bertutur

bahasa Inggeris mendukung kerangka minda bahasa yang teradun. Oleh itu, setiap penutur dalam kelas bahasa asing tidak harus dikelompokkan menurut fahaman linguistik kebangsaan, atau *raciolinguistic ideologies*. Bahawasanya, penggunaan bahasa Inggeris secara translingual untuk memahami serta menguasai kosa kata, nahu, dan pantun bahasa Melayu sebenarnya suatu projek nyah-kolonialisasi, atau *decolonialization*.

## PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih kepada Lemak Manis Channel atas keizinan untuk menggunakan imej-imej video dalam penulisan ini.

## RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah, & Zamri Mohamad. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam salak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1), 53–60. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/89>
- Amat Juhari Moain. (2008). *Pemilihan kata dalam pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boers, F., & Lindstromberg, S. (2009). *Optimizing a lexical approach to instructed second language acquisition*. Palgrave Macmillan.
- Chew, F. P. (2011). *The Malay language: A bridge to knowledge*. Ministry of Information, Communication, and Culture, Malaysia.
- Christiansen, M., & Chater, N. (2022). *The language game: How improvisation created language and changed the world*. Basic Books.
- CJM. (2022). LAM3201 Oral Pairwork – Cinta Kilat. YouTube. [https://www.youtube.com/watch?app=desktop&v=qHnwK831bMw&feature=youtu.be&ab\\_channel=CJM](https://www.youtube.com/watch?app=desktop&v=qHnwK831bMw&feature=youtu.be&ab_channel=CJM)
- Collins, J. T. (1986). *Antologi kajian dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creative Commons 4.0 (CC BY 4.0). (2022). <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>
- Curriculum Planning and Development Division. (2007). Malay language teaching and learning syllabus: Primary one to six (2008). Ministry of Education. <https://www.moe.gov.sg/-/media/files/primary/malay-primary-2008.ashx?la=en&hash=9E218154941F2D2140A8948B2459A72F6DF8A957>
- Curriculum Planning and Development Division. (2020). *Mother tongue languages syllabus (2021): Secondary*. Singapore: Ministry of Education. <https://www.moe.gov.sg/-/media/files/secondary/syllabuses/mtl/2021-secondary-mtl-syllabus.ashx?la=en&hash=B964DDD361ECA31BCABE4A218E0B8703797A4DCB>
- Dziuban, C., Graham, C. R., Moskal, P. D., Norberg, A., & Sicilia, N. (2018). Blended learning: The new normal and emerging technologies. *International Journal of Educational*

*Technology in Higher Education* 15(3), 1–16. <https://educationaltechnologyjournal.springeropen.com/articles/10.1186/s41239-017-0087-5>

- Fatimah Abdullah. (2009). Pantun sebagai perakam norma: Penelitian awal terhadap perkahwinan dan keluarga melayu. *Jurnal Melayu* 4, 43–57. <http://journalarticle.ukm.my/3008/>
- Hamilton, A. W. (1982). *Malay pantuns = Pantun Melayu (New edition)*. Eastern Universities Press. (Karya asal terbit 1941)
- Hawkins, J. A., & Buttery, P. (2009). Using learner language from corpora to profile levels of proficiency: Insights from the English profile programme. Dlm. L. Taylor dan C. J. Weir (peny.), *Studies in language testing: The social and educational impact of language assessment*. Cambridge University Press, hlm. 158–176.
- Hurixdigital. (2019, Jun 14). *Switch to blended learning for better outcomes*. <https://www.hurix.com/blended-learning-better-learning-outcomes/>
- Izha, R. (2019). Journey to the West Conquering the demons (2013). *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=-NsMMjaGXeo>
- Jumani, N. B., Malik, S., & Akram, H. (2018). Challenges and successes of blended learning in Directorate of Distance Education, IIIUI. *Pakistan Journal of Distance and Online Learning* 15(2), 143–156. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1267032.pdf>
- Juwairiah Osman, & Mardian Shah Omar (2021). Aplikasi teknologi dan motivasi dalam kemahiran berbahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik* 21(2), 20-32. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/224/167>
- Karafi Salleh. (2010). *Adat dan pantun perkahwinan melayu*. Tinta Publishers.
- Khalila Iliia Ismail, & Mohd Faizal Musa. (2016). Makanan dalam pembayang pantun melayu: Satu wacana dari perspektif gastronomi. *Jurnal Melayu* 15(1), 1–13. <http://journalarticle.ukm.my/9954/>
- Lemak Manis Channel. (2022). Madu tiga versi pantun (Melayu Daik). *YouTube*. [https://www.youtube.com/watch?v=Q96hwaUzuEM&t=171s&ab\\_channel=LemakManisChannel](https://www.youtube.com/watch?v=Q96hwaUzuEM&t=171s&ab_channel=LemakManisChannel)
- Li, W., & Garcia, O. (2022). Not a first language but one repertoire: Translanguaging as a decolonizing project. *RELC Journal* 53, akan datang.
- LumiNUS. (2022). *Laporan modul LAM3201 Malay 3 semester 2, 2021/2022*. National University of Singapore
- Mazdelaila. (2008). Joget burung tiong. *YouTube*. [https://www.youtube.com/watch?v=8hJkypZ9sEY&ab\\_channel=mazdelaila](https://www.youtube.com/watch?v=8hJkypZ9sEY&ab_channel=mazdelaila)
- Muhammad Haji Salleh. (2018). *Pantun: The poetry of passion*. University Malaya Press.
- NG, S. S. (2022). LAM3201 Pantun Melayu Ng Shu Sheng. *YouTube*. [https://www.youtube.com/watch?v=pkG6\\_7lPyu4&t=18s&ab\\_channel=SSNG](https://www.youtube.com/watch?v=pkG6_7lPyu4&t=18s&ab_channel=SSNG)
- Nik Hazlina Nik Hussain. (2022). Puisi tradisional: Bahasa Melayu bahasa bermaklumat. *Dewan Bahasa* 22(4), 25.
- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Penerbit UPSI.

- Omarallatas. (2018). Saloma - Bila sang bulan menjelang. *YouTube*. [https://www.youtube.com/watch?v=-K4VL8fCevg&ab\\_channel=omaralattas](https://www.youtube.com/watch?v=-K4VL8fCevg&ab_channel=omaralattas)
- Pendidikan Singapura. (2021, Okt. 18). *Keterampilan Kurun ke-21*. Kementerian Pendidikan. <https://www.moe.gov.sg/education-in-sg/21st-century-competencies>
- Phillips, J. A. (2021). Hybrid-blended learning: The new normal. *The Star*, 14 November. <https://www.thestar.com.my/news/education/2021/11/14/hybrid-blended-learning-the-new-normal>
- Rashidah Haji Mohd, Saedah Siraj, & Zaharah Hussin. (2018a). Penilaian penggunaan modul pengajaran pantun Melayu tingkatan 2 berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(4), 42–56. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/13999>
- Rashidah Mohd, Saedah Siraj, & Zaharah Hussin. (2018b). Aplikasi kaedah Fuzzy Delphi dalam pembangunan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud Al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(2), 57–67. <http://journalarticle.ukm.my/12598/>
- Salleh Ben Joned. (1994). *As I please: Selected writings 1975-1994*. Skoob Books Publishing.
- Sew, J. W. (1997). Warna panas dan warna sejuk dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 41(4), 299-306.
- Sew, J. W. (2005). Onomatopoeia. Dlm. P. Strazny (Peny.) *The Encyclopedia of Linguistics Vol. 2*. Routledge, hlm. 796–797.
- Sew, J. W. (2007). Sound strategy for a shifting Malay? *California Linguistic Notes* 33(2), 1–11. <http://hss.fullerton.edu/linguistics/cln/Sew-Coining%20Malay.pdf>
- Sew, J. W. (2009). *Semiotik Persembahan Wacana*. University Malaya Press.
- Sew, J. W. (2015). Assessing Malay proficiency at tertiary level: Criteria features in learner language. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies* 33(1), 19–41. [http://web.usm.my/km/33\(1\)2015/km33012015\\_02.pdf](http://web.usm.my/km/33(1)2015/km33012015_02.pdf)
- Sew, J. W. (2017). Learning Malay with poems: From understanding stylistics to blogging poetic expressions. *Issues in Language Studies* 6(2), 45–64. <https://publisher.unimas.my/ojs/index.php/ILS/article/view/1622/806>
- Sew, J. W. (2018a). Pantun dan pelajar asing. *Dewan Bahasa* 18(10), 58-62.
- Sew, J. W. (2018b). Pengajaran keratabahasa Melayu peringkat universiti. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching* 15, Suppl. 1, 214–228. <https://e-flt.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2020/09/sew.pdf>
- Sew, J.W. (2022a). Penilaian kemahiran mendengar bahasa Melayu. *Pelita Bahasa* 34(8), 38–39.
- Sew, J.W. (2022b). Dedicatory pantun in Malay conversation as blended learning outcome. *Higher Education Campus Conference: Forging Ahead Beyond the Pandemic*, 7–8 Dec. 2022. Centre for Development of Teaching & Learning, National University of Singapore.
- Sew, J.W. (2022c). Blended learning outcome in Malay oral: Reminiscing alienation with pantun. *The 9th Centre for Language Studies International Conference: Foreign*

*Language Education in the 21st Century: Review Re-conceptualise and Re-align*, 1–3 Dec. 2022. Singapore: Zoom session.

Stanley, M. F. (2002). *Logic and controversy*. Wadsworth/Thomson Learning.

Tee, B. C. (2021). Pantun sebagai bahan dan tradisi logik Melayu berdasarkan hubungan makna pembayang-maksud. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 14(2), 263–284.

Vainio, L., & Vainio, M. (2021). Sound-action symbolism. *Frontiers in psychology* 12, 718700. <https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fpsyg.2021.718700/full>

Wilkinson, R. J. (1936). Onomatopoeia in Malay. *The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society* 14(3), 72–88.

Wan Akmal Wan Semara. (2005). *Unsur puitika dalam puisi Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kahani, W. (2018). Ramayana: The Epic | Christmas Special Movie | Hindi Animated Movies for Kids. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=jbckdEVT5TU>

Xu, Y. N. (2015). *Kajian perbandingan pantun Melayu dengan nyanyian rakyat Cina* (C. M. Ding & S. S. Goh, Penterjemah). Strategic Information and Development Centre. (Karya asal terbit 2009).